

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

**YKA 103 - Komunikasi dan Masyarakat**

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Media penyiaran di Malaysia adalah berbilang bahasa. Bincangkan sejauh mana perkongsian makna boleh terjalin di kalangan pendengar dan penonton untuk mencapai perpaduan negara. Beri contoh-contoh. (100 markah)
2. Jelaskan dengan contoh-contoh bagaimana salah satu daripada akhbar berikut memainkan peranan dalam masyarakat sezamannya.
  - a) Al-Imam
  - b) Warta Negara
  - c) Majlis
  - d) Melayu Raya(100 markah)
3. Menurut McQuail (1975), peluang untuk mempelajari kemahiran bahasa dan keupayaan untuk menggunakan adalah "socially regulated": kesempatan ini berbeza menurut kedudukan seseorang itu dalam susunan masyarakat dan berhubungkait dengan pemilikan kuasa dan harta.

Bincangkan pendapat di atas dengan contoh-contoh.

(100 markah)

.../2-

4. Bincangkan dua undang-undang yang dipertahankan oleh kerajaan "demi menjamin keamanan Malaysia yang terdiri daripada rakyat berbagai kaum", tetapi dianggap mengongkong kebebasan bersuara oleh pihak media. Beri contoh-contoh untuk menjelaskan hujah anda.

(100 markah)

5. Utusan Malaysia mendakwa bahawa ia adalah "Penyebar Fikiran Rakyat", manakala The Star pula bangga menjadi "The People's Paper". Sejauh manakah kedua-dua akhbar ini menepati cogankata mereka? Bincangkan dengan contoh-contoh.

(100 markah)

-oooOooo-